

# UMS, NUS tingkat kerjasama akademik, penyelidikan

BH 17.12.13 13

**Kota Kinabalu:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan National University of Singapore (NUS), menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi meningkatkan hubungan dan kerjasama dalam bidang akademik serta penyelidikan.

UMS diwakili Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, manakala NUS oleh Pengarah Program Pengajian Sarjana Muda Alam Sekitarnya Prof Dr Chou Loke Ming.

Dalam ucapannya, Mohd Harun berkata MoU itu ditan-

datangani hasil interaksi antara Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS dan pegawai kanan NUS serta kesediaan kedua-dua pihak untuk mengendalikankan program yang bermatlamat mencapai hasil bermakna.

## **Hubungan produktif**

Beliau berharap MoU berkenaan akan melahirkan hubungan produktif antara kedua-dua institusi pendidikan tinggi terbabit untuk menjadi bukti kejayaan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam prog-

ram akademik.

Mohd Harun berkata, pelajar NUS akan mendapati Sabah sebagai tempat yang kaya dengan kepelbagaian habitat serta spesies flora dan fauna pesisir pantai dan beliau yakin lebih banyak perbincangan akan diadakan antara Institut Penyelidikan Marin Borneo dan NUS mengenai modaliti pelaksanaan kursus berkaitan alam sekitar pesisiran pantai.

"Penyelidik asing yang membuat pemerhatian di Sabah akan dapat mencungkil maklumat baharu dan berni-

lai tentang biodiversiti marin. Disebabkan biodiversiti kekuatan bagi ekosistem marin kami, maka sudah semestinya kami berminat dalam bidang pengumpulan data dan sintesis pengetahuan baharu, yang akan menyumbang kepada pemuliharaan dan pengurusan sumber semula jadi secara mapan," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Mohd Harun berkata MoU itu adalah yang pertama ditandatangani antara UMS dan NUS, dan beliau menyifatkannya sebagai lembaran baharu dalam hubungan dan kerjasama dengan NUS.

Katanya MoU itu juga menjadi simbol pengiktirafan NUS terhadap kekuatan dan kepakaran UMS, khususnya dalam bidang penyelidikan marin.

**BERNAMA**